

03/03/2000

Perwakilan bahagian diminta tolak surat layang

KUALA LUMPUR, Khamis - Perwakilan bahagian diminta menolak surat layang yang mempersoalkan keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno yang mengesyorkan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti tidak dipertandingkan dalam pemilihan parti 11 Mei ini.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, tindakan menyebarkan surat seperti itu adalah dilarang, walaupun ia tidak termasuk dalam etika pemilihan yang dihantar ke bahagian.

"Ibu pejabat Umno diberitahu ada pihak tertentu menulis surat menyangkal keputusan MT sebelum ini yang mengesyorkan jawatan nombor satu dan dua tidak dipertandingkan.

"Saya berharap bahagian tidak mengendahkan surat seperti itu kerana keputusan yang diputuskan MT dibuat secara kolektif," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan 13 Setiausaha Perhubungan Umno Negeri, di sini malam ini.

Khalil pada mesyuarat MT Januari lalu mengumumkan majlis itu sebulat suara mengesyorkan supaya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dicalonkan semula sebagai Presiden Umno manakala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Timbalan Presiden.

Keputusan MT dibuat berdasarkan pendirian dan kehendak ahli majlis itu, yang sebulat suara mahu Dr Mahathir terus memimpin parti.

Khalil berkata, ibu pejabat melarang penyebaran surat seperti itu yang pernah digunakan pembangkang dalam pilihan raya umum lalu kerana ia memburukkan imej pemimpin.

"Mereka yang diburukkan pula tidak mempunyai masa untuk menjawab balik segala tuduhan yang dilemparkan dalam tempoh singkat," katanya sambil menambah calon yang bertanding sepatutnya menjelaskan mengenai hasrat dan matlamat menawarkan diri.

Khalil berkata, ibu pejabat berpuas hati dengan perjalanan mesyuarat cawangan Umno kerana tidak sampai satu peratus daripada 17,411 cawangan gagal mengadakan persidangan.

Beliau berkata, berdasarkan laporan daripada semua Setiausaha Perhubungan Umno Negeri malam ini, hanya sebahagian kecil yang, gagal mengadakan mesyuarat agung mengikut tarikh ditetapkan.

Semalam, Jawatankuasa Pengurusan Umno memutuskan bahagian yang memecat ahli perlu mengadakan mesyuarat cawangan bagi membolehkan mereka yang dipecat secara tidak sah, menghadirinya.

(END)